

Kes denggi di Kedah meningkat

Alor Setar: Kes denggi di Kedah meningkat selepas 1,161 kes direkodkan setakat Sabtu lalu, berbanding 464 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Pengarah Kesihatan negeri, Dr Othman Warijo, berkata jumlah kes denggi didapati naik 150 peratus dengan dua kematian.

“Sehingga 12 November lalu, bilangan wabak meningkat kepada 90, berbanding 17 bagi tempoh sama tahun lalu. Daripada jumlah wabak yang dilaporkan, terdapat enam lokasi panas yang berjaya dikawal, sembilan wabak masih aktif dan 75 wabak

lagi sudah tamat.

“Dalam tempoh itu, sebanyak 300,932 premis diperiksa dan 5,404 kompaun dikeluarkan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 dengan nilai lebih RM2.59 juta kepada pemilik premis yang dikesan terdapat pembiakan nyamuk Aedes,” katanya semalam.

Dr Othman berkata, kawalan dan pencegahan dijalankan bagi semua kes dan wabak denggi yang dilaporkan di semua lokasi dalam usaha memutuskan rantaian jangkitan.

Katanya, risiko kejadian demam denggi di Kedah tinggi berdasarkan kekerapan hujan dan pergerakan manusia yang tinggi.

“Untuk membendung penyakit denggi daripada terus merebak dan mengancam kesihatan penduduk di Kedah ketika musim hujan, seluruh anggota masyarakat perlu bersama memikul tanggungjawab dengan membersihkan persekitaran dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes di kediaman dan premis setiap minggu,” katanya.



Kes denggi di Kedah mencatatkan peningkatan apabila sebanyak 1,161 kes direkodkan setakat Sabtu lalu. (Foto hiasan)

Trend diabetes membimbangkan, beban kos rawatan meningkat

“

Pengesanan diabetes dan permulaan awal rawatan adalah amat penting dalam pengurusan diabetes dan seterusnya membantu mencegah komplikasi dan kematian pramatang.”

- DR NOOR HISHAM



KUALA LUMPUR - Prevalen diabetes di negara ini menunjukkan trend peningkatan yang membimbangkan selain beban kos rawatan penyakit itu yang dijangka terus melonjak.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kira-kira 3.9 juta (18.3 peratus) orang dewasa menghidap diabetes di Malaysia dan hampir separuh daripada pesakit diabetes tidak menyedari status penyakit mereka.

“Pengesanan diabetes dan permulaan awal rawatan adalah amat penting dalam pengurusan diabetes dan seterusnya membantu mencegah komplikasi dan kematian pramatang,” katanya dalam kenyataan sempena sambutan Hari Diabetes Sedunia 2022 Peringkat Kebangsaan pada Selasa.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, laporan *The Direct Healthcare Cost of Noncommunicable Diseases in Malaysia* yang dikeluarkan baru-baru ini meng-

anggarkan sebanyak RM4.38 bilion (45.38 peratus daripada jumlah kos keseluruhan) telah dibelanjakan bagi tahun 2017 untuk rawatan diabetes.

“Beban kos ini dijangka terus meningkat sekiranya tindakan sewajarnya tidak diambil untuk mencegah dan mengawal penyakit tersebut,” katanya.

Ujarnya, sambutan Hari Diabetes Sedunia Peringkat Kebangsaan dengan tema 'Akses Kepada Penjagaan Diabetes - Pendidikan untuk Melindungi Hari Esok' dilancarkan bagi meningkatkan kesedaran dalam komuniti tentang kepentingan akses kepada perawatan dan penjagaan diabetes.

“Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyeru orang ramai mengambil peluang ini untuk memeriksa status indeks jisim tubuh (BMI), tekanan darah, paras gula dan paras kolesterol dalam darah di mana-mana fasiliti kesihatan berhampiran,” katanya. - *Bernama*